



## MAJLIS PERBANDARAN SEBERANG PERAI

### **TEKS UCAPAN**

YBHG. DATO' Sr HAJI ROZALI BIN HAJI MOHAMUD  
**YANG DIPERTUA**  
**MAJLIS PERBANDARAN SEBERANG PERAI**

### **SEMPENA**

ECO-CSR 2018 BERSEMPENA DENGAN KEMPEN  
*ENVIRONMENT, SAFETY & HEALTH* (EHS) BERSAMA  
PANASONIC AUTOMATIVE SYSTEM MALAYSIA SDN.  
BHD.

### **TARIKH / MASA / TEMPAT**

**29 SEPTEMBER 2018 (SABTU)**  
**8.00 PAGI**

***UPCYCLE PARK***  
**BANDAR PERDA**  
**BUKIT MERTAJAM**

**Terima kasih Saudara / Saudari Pengacara Majlis**

**Ketua–Ketua Jabatan dan Pegawai-Pegawai Kanan**  
Majlis Perbandaran Seberang Perai

**Pihak Pengurusan Panasonic Automotive System Malaysia Sdn. Bhd.**

Mr. Chew Kean Huat  
Pengarah

Mr. Masahito Yoshida  
Pengarah

Mr. Minoru Yoshida  
Pengurus Besar (General Manager)

Encik Mohd Reza Bin Muhammad Hilmi)  
Pengurus Besar

**Pegawai-Pegawai dan Kakitangan-Kakitangan**  
Panasonic Automotive System Malaysia Sdn. Bhd.

**Rakan-Rakan Media**

**Tuan-Tuan Dan Puan-Puan Yang Dihormati Sekalian**

-----

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh,

Selamat pagi dan salam sejahtera,

Alhamdulillah, bersyukur kehadiran Allah S.W.T. kerana dengan izin dan limpah kurnianya dapat kita bersama-sama pada pagi ini dalam Majlis ECO-CSR 2018 bersempena dengan Kempen *Environment, Safety & Health* (EHS) bersama Panasonic Automotive System Malaysia Sdn. Bhd. di *Upcycle Park*, Bandar Perda.

Terlebih dahulu, saya mewakili Majlis Perbandaran Seberang Perai mengalu-alukan kehadiran pihak pengurusan Panasonic Automotive System Malaysia Sdn. Bhd. berserta lebih kurang 120 kakitangan ke majlis pada pagi ini. Sekalung penghargaan, syabas dan tahniah atas hasrat murni Panasonic Automotive Systems Malaysia Sdn. Bhd. (PASYM) bersama MPSP untuk mengukuhkan lagi hubungan kerjasama dan juga semangat kekitaan bagi menjayakan objektif dan hasrat kita terhadap komuniti.

Panasonic Automotive Systems Malaysia Sdn. Bhd. (PASYM) telah bekerjasama dengan MPSP dan memberi sokongan padu yang berterusan dalam memperkasakan pendidikan dan kesedaran pemuliharaan dan pemulihan alam sekitar di kalangan kakitangannya. Panasonic Automotive

Systems Malaysia Sdn. Bhd. (PASMY) juga telah banyak memberi sumbangan dari segi tenaga kerja, pokok dan peralatan melalui Program ECO-CSR semejak tahun 2016:-

Pada 20 Ogos 2016, Panasonic Automotive Systems Malaysia Sdn. Bhd. (PASMY) telah menyumbangkan serta menanam tujuh (7) batang Pokok Janda Merana 7 dan membersihkan kerusi-kerusi serta kerja-kerja mengecat di Taman Tunku, Seberang Jaya.

Pada 7 Oktober 2017 pula, Panasonic Automotive Systems Malaysia Sdn. Bhd. (PASMY) menyumbang dan menanam 30 pokok hiasan (pokok bunga raya), menyumbang satu set kerusi dan meja taman, mengecat *railing* tangga serta bergotong-royong membersihkan kawasan Bukit DO.

Adalah diharapkan banyak lagi syarikat swasta dari sektor perindustrian yang dapat menunjukkan komitmen yang tinggi serta melaksanakan ciri-ciri amalan hijau dengan cemerlang ke arah perubahan alam sekitar yang positif. Ini merupakan satu titik mula yang penting dalam membentuk masyarakat yang menjaga dan mencintai alam sekitar sejajar dengan matlamat MPSP untuk menjadi Bandaraya Rendah Karbon (*Low Carbon City*) menjelang tahun 2022.

## Para Hadirin Yang Dihormati Sekalian,

Atas dasar keprihatinan terhadap kehendak masyarakat setempat, MPSP telah merancang dan menyediakan kemudahan awam seperti laluan *Cycle to Work* dan taman-taman riadah seperti *Upcycle Park*, Taman Komuniti dan Taman Tecoma di kawasan Bandar Perda ini.

1. *Upcycle Park* merupakan taman riadah yang berkeluasan 9,684.5 meter persegi (tasik berkeluasan 4,456 meter persegi, manakala kawasan hijaunya adalah 5,228.5 meter persegi). Taman ini menempatkan pelbagai jenis barangan *upcycle* dan merupakan taman *upcycle* yang pertama dibangunkan di Malaysia. Komponen-komponen yang sedia ada di sini adalah laluan pejalan kaki yang telah dicat, dataran di pintu masuk, perkakasan seperti kerusi, meja, tong sampah, perabot taman dari bahan-bahan terbuang dan terpakai.
2. Taman Tasik Tecoma yang terletak di sebelah *Upcycle Park* mempunyai kolam tadahan yang besar yang dikelilingi 700 pokok Tecoma yang ditanam tahun lepas. Taman ini dirancang untuk dijadikan lokasi "*photo session*" perkahwinan, laluan berbasikal, tempat memancing dan beriadah.

3. Taman Komuniti pula terletak di sepanjang parit monsoon bersebelahan Pangsapuri Permata sehingga Jalan Permatang Pauh. Di taman inilah terletak laluan "*Cycle to Work*". Dalam taman ini program "1 Bayi 1 Pokok" akan dilancarkan pada 7 Oktober 2018.

MPSP menyediakan taman-taman awam ini berserta kemudahan untuk meningkatkan kualiti hidup 20,500 penduduk di sekitar Bandar Perda tanpa mengira status. Saya berharap dengan wujudnya kemudahan awam, iaitu Laluan *Cycle to Work* dan taman-taman riadah seperti ini dapat memberi impak terhadap peningkatan kualiti persekitaran kawasan ini dan menjadi *catalyst* kepada *Local Economic Development* (LED) serta memenuhi ekspektasi penduduk setempat demi mencapai kualiti hidup yang lebih baik.

Harapan saya agar penduduk setempat dapat sama-sama menjaga *Upcycle Park* MPSP dan semua kemudahan yang disediakan di sini. Hargai kemudahan yang disediakan semoga ianya dapat memberi manfaat kepada seluruh penduduk. Jadikanlah kemudahan-kemudahan ini sebagai ruang rekreasi awam untuk meningkatkan tahap kesihatan dan kesejahteraan hidup dan juga sebagai platform integrasi sosial dalam masyarakat.

## **Para Hadirin Yang Dihormati Sekalian,**

Hari ini sempena dengan Kempen *Environment, Safety & Health* (EHS), pihak Panasonic Automotive System Malaysia Sdn. Bhd. melalui program ECO-CSR menyumbangkan 30 batang pokok Tecoma, satu (1) set kerusi dan meja batu dan papan-papan tanda kesedaran kesihatan untuk diletakkan di lokasi-lokasi yang ditetapkan dalam *Upcycle Park*. Seramai lebih kurang 120 kakitangan Panasonic Automotive System Malaysia Sdn. Bhd. akan turut serta membantu dalam penanaman pokok serta mencacak papan-papan tanda pada hari ini.

Program ECO-CSR ini merupakan satu pendekatan kreatif untuk “*unlock the power of partnership*” melalui pendekatan 7Ps (*People, Public, Private, Philanthropy, Philosopher, Planet Partnership*). Dengan pendekatan *private partnership*, MPSP bekerjasama dengan Panasonic Automotive Systems Malaysia Sdn. Bhd. (PASMY) dalam melaksanakan program seperti hari ini. Sekalung penghargaan dan ucapan ribuan terima kasih di atas kerjasama dan komitmen yang diberikan oleh pihak Panasonic Automotive Systems Malaysia Sdn. Bhd. (PASMY) dalam merealisasikan hasrat MPSP untuk menjadi Bandaraya Rendah Karbon (*Low Carbon City*) dan Bandaraya Pintar (*Smart City*) menjelang tahun 2022. Syabas dan tahniah saya ucapkan.

**Para Hadirin Yang Dihormati Sekalian,**

Sikap keterbukaan pihak pengurusan Panasonic Automotive Systems Malaysia Sdn. Bhd. (PASMYS) dalam menerima MPSP untuk melaksanakan Program *Corporate Social Responsibility* (CSR) merupakan satu satu teladan yang baik dan saya amat berharap kerjasama dalam bentuk usahasama ataupun penajaan dapat ditingkatkan untuk tahun-tahun hadapan dan seterusnya. Saya juga menyeru agar lebih banyak pihak swasta yang tampil ke hadapan untuk bersama-sama MPSP dalam menjayakan program-program seumpama ini.

Sebagai mengakhiri kata-kata, dengan lafaz BISMILLAH dan dengan ini merasmikan Majlis ECO-CSR 2018 bersempena dengan Kempen *Environment, Safety & Health* (EHS) bersama Panasonic Automotive System Malaysia Sdn. Bhd. di Upcycle Park, Bandar Perda.

**Sekian,**

***Wabillahi Taufik Wal Hidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi  
Wabarakatuh.***

**Terima kasih.**